

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY**  
**[ BACHOK ]**  
**TARIKH : 3 APRIL 2014**  
**SOALAN :**

**YB Tuan Ahmad Marzuk Bin Shaary [ Bachok ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah pengamal perubatan tradisional dan Islam. Apakah usaha pengiktirafan yang telah dibuat terhadap pengamal perubatan tradisional dan Islam ini. Apakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan Institut bagi Perubatan Tradisional dan Islam.

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengenal pasti enam (6) bidang amalan utama di bawah perubatan tradisional dan komplementari iaitu perubatan tradisional Melayu, perubatan tradisional India, perubatan tradisional Cina, pengubatan Islam, homeopati dan terapi komplementari. Sehingga 26 Februari 2014, terdapat 1,749 pengamal perubatan tradisional Melayu, 8,079 pengamal perubatan tradisional Cina, 49 pengamal perubatan tradisional India dan seramai 448 pengamal pengubatan Islam yang telah berdaftar secara sukarela dengan Kementerian Kesihatan.

Pada ketika ini, pihak Kementerian tidak mengeluarkan sebarang bentuk pengiktirafan kepada para pengamal perubatan tradisional dan komplementari di Malaysia. Namun, apabila Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2013 dikuatkuasakan kelak dan Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari ditubuhkan, semua pengamal perubatan tradisional dan komplementari perlu berdaftar dengan Majlis dan kelayakan serta pengalaman pengamal akan dinilai. Justeru, pada ketika itu, para pengamal dapat dinilai dan diberi pengiktirafan yang sewajarnya berdasarkan kelayakan dan pengalaman mereka.

### **Tuan Yang Dipertua,**

Pihak Kementerian sentiasa bekerjasama dari semasa ke semasa dengan para pengamal perubatan tradisional dan komplementari terutama dalam membangunkan standard, kurikulum, garis panduan amalan, mengadakan persidangan, seminar dan pelbagai lagi aktiviti lain yang melibatkan pengamal. Pada ketika ini, Kementerian Kesihatan telah bekerjasama dengan Agensi Kelayakan Malaysia atau MQA untuk membangunkan sebanyak 13 standard dan kurikulum pada peringkat diploma dan ijazah dalam bidang perubatan tradisional dan komplementari. Ini termasuk standard dan kurikulum bagi Diploma Pengubatan Islam yang kini sedang ditawarkan oleh *Cyberjaya University College of Medical Sciences*. Selain itu, dalam bidang perubatan tradisional Melayu pula, Kementerian Kesihatan turut terlibat dalam pembangunan standard diploma urut Melayu dan ijazah perubatan Melayu. Seramai 22 orang pengamal perubatan tradisional Melayu telah berjaya mengikuti kursus Diploma Lanjutan dalam urut Melayu yang telah ditawarkan di Politeknik Sultan Salehuddin Abdul Aziz Shah di Shah Alam.

**Tuan Yang Dipertua,**

Pihak Kementerian amat menggalakkan pertumbuhan institusi-institusi pengajian yang menawarkan kursus yang diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pembangunan Kemahiran dalam bidang perubatan tradisional dan komplementari terutama dalam bidang perubatan tradisional Melayu dan pengubatan Islam. Justeru, dengan adanya kursus pengajian yang formal dan berstruktur dalam kedua-dua bidang amalan ini, akan dapat meningkatkan kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap perkhidmatan yang disediakan.